**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 1. | Southeast Asia Doesn't Want to Be the World's Dumping Ground. Here's How Some Countries Are Pushing Back | TIME | Klik pada tajuk berita |
| 2. | East and waste do not together | Global Times | Klik pada tajuk berita |
| 3. | Burning tyres: The murky oil business polluting Johor, other parts of Asia | The Sun Daily | Klik pada tajuk berita |
| 4. | The State of the Nation: Single-use plastics ban stirs concern among the manufacturers | The Edge Markets | Klik pada tajuk berita |
| 5. | **MPK sukar pantau kilang plastik haram** | Sinar Harian | Rujuk lampiran 1 |
| 6. | Lagi kilang kitar semula sisa plastik haram di Selangor diserbu | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita |
| 7. | **Elak insiden cemar berulang** | Utusan Malaysia | Rujuk lampiran 2 |
| 8. | MPK, DoE shut down illegal plastic waste plant in Teluk Gong [NSTTV] | New Straits Times | Klik pada tajuk berita |
| 9. | Frankly speaking: Lynas needs a final solution | The Edge Markets | Klik pada tajuk berita |
| 10. | Lynas: Despite low radiation level, long term effects still hazardous, says Fuziah | Edge Prop | Klik pada tajuk berita |
| 11. | Hujan, ribut petir di Selangor pada sambutan Aidilfitri | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita |
| 12. | Cuaca buruk diramal di pantai barat Semenanjung, Sabah | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 3 |

## TEMPATAN

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 13. | Find effective solutions to counter threats to the environment, says Lee | The Star | Klik pada tajuk berita |
| 14. | **Single-use plastic banned in S'ngor govt depts** | The Star | Rujuk lampiran 4 |

## ANTARABANGSA

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 15. | Renewable energy 101: Key terms you need to know | CNBC | Klik pada tajuk berita |
| 16. | Climate crisis seriously damaging human health, report finds | The Guardian | Klik pada tajuk berita |
| 17. | Renewable Energy a good substitution:Chand | FBC News | Klik pada tajuk berita |
| 18. | China's sci-tech innovation board preparation unaffected by trade frictions: CSRC | Xin Hua News | Klik pada tajuk berita |
| 19. | 3 Women Under 18 In STEM You Need To Know About Right Now | Bustle | Klik pada tajuk berita |

**LAMPIRAN 1**
**SINAR HARIAN (SENTRAL): MUKA SURAT 20**
**TARIKH: 4 JUN 2019 (SELASA)**

# MPK sukar pantau kilang plastik haram

**KLANG** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) berdepan kesukaran memantau kilang kitar semula plastik haram yang beroperasi di daerah ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baharu Selangor, Ng Sze Han berkata, ia berikutan kekangan kakitangan untuk melaksanakan pemantauan ke atas kilang-kilang terbabit sepanjang tempoh 24 jam.

"Memang susah (untuk pantau) kerana masih banyak kilang haram lain perlu dipantau. Bukan sahaja bukan di Teluk Gong tapi Pulau Indah, Meru dan sebagainya kerana kawasan pentadbiran MPK ini besar.

"Malah ada kilang yang telah disita akan meneruskan operasi pada waktu malam pula sehingga menimbulkan aduan penduduk setempat.

"Disebabkan itulah kaedah pemotongan bekalan air dan elektrik dilihat amat bersesuaian dalam mengawal isu kilang haram ini," katanya selepas operasi bersepadu kilang kitar semula plastik di sekitar Teluk Gong semalam.

Sze Han berkata, pihaknya juga akan mengadakan perbincangan dengan Suruhanjaya Tenaga dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) selepas ini bagi memohon bantuan pihak terlibat mempercepatkan proses pemotongan bekalan di premis terlibat.

Sementara itu, Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) juga akan membawa kes kilang plastik haram ini ke mahkamah bagi tujuan pendakwaan terhadap pemilik premis terbabit.

Beliau berkata agensi terlibat mempunyai kuasa untuk mendakwa pihak berkaitan di mahkamah atas kesalahan alam sekitar dan sebagainya.

"Sasaran kita adalah untuk pastikan semua kilang-kilang plastik haram di Selangor ini akan ditutup menjelang Julai depan," katanya.



**Tindakan pemotongan bekalan air turut dikenakan terhadap premis kilang haram yang beroperasi di sekitar Teluk Gong.**

**LAMPIRAN 2**
**UTUSAN MALAYSIA (FORUM): MUKA SURAT 20**
**TARIKH: 4 JUN 2019 (SELASA)**

# Elak insiden cemar berulang

**SAUDARA PENGARANG,**

**PENDEDAHAN** dalam media bahawa Malaysia menjadi tempat pelupusan sisa plastik antarabangsa sangat mengejutkan serta membangkitkan kerisauan orang ramai terhadap keselamatan kesihatan mereka dan alam sekitar.

Lebih mengejutkan, kita mendapat tahu menerusi laporan akhbar bahawa terdapat sebuah kilang pemprosesan sisa plastik dari China di kawasan Sungai Pelek dan Sepang, Selangor yang baru memulakan operasinya dua minggu lalu, hanya sebulan selepas pendedahan pencemaran asid dan plumbum yang disebabkan sebuah kilang bateri di Jenjarom, Kuala Langat juga di Selangor.

Mengapakah kerajaan negeri Selangor boleh membenarkan perkara ini berlaku? Adakah mereka masih belum belajar daripada insiden di Jenjarom yang mengancam lebih 6,000 penduduk?

Ke mana perginya Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin dan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar? Sebelum ini, pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan (PH) asyik mempolitikkan isu kilang Lynas dan perlombongan emas di Bukit Koman, Raub, Pahang seolah-olah mereka risau benar tentang kesihatan penduduk tempatan. Namun kiang Lynas masih beroperasi dan Xavier sendiri mengakui tiada pencemaran sianida di Bukit Koman seperti mana didakwa sebelum ini. Kedua-dua menteri tersebut bersama-sama kerajaan negeri Selangor harus mengambil tindakan serta-merta untuk menutup kilang pemprosesan sisa plastik. Ini harus dibuat bagi mengelak pencemaran Sungai Sepang Besar yang terletak berdekatan. Janganlah jadikan Sungai Sepang dan Sungai Pelek sebagai Sungai Kim Kim ataupun Jenjarom kedua.

> PH asyik mempolitikkan isu kilang Lynas dan perlombongan emas di Bukit Koman, Raub, Pahang seolah-olah mereka risau benar tentang kesihatan penduduk tempatan.

Insiden pencemaran toksik di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang pada Mac lalu telah menggemparkan negara. Akibat perbuatan pihak tidak bertanggungjawab, lebih 5,000 mangsa mengalami pelbagai masalah kesihatan termasuk kesukaran bernafas. Akibatnya 111 sekolah diarah tutup hingga menyebabkan pelajaran murid dan pelajar terjejas.

**DATUK NG CHOK SIN**
Pengerusi
Jawatankuasa Perhubungan
MCA Selangor

**LAMPIRAN 3**
**SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 12**
**TARIKH: 4 JUN 2019 (SELASA)**

# Cuaca buruk diramal di pantai barat Semenanjung, Sabah

**KUALA LUMPUR** - Hujan dan ribut petir dijangka berlaku di beberapa tempat di negeri-negeri pantai barat Semenanjung dan timur Sabah pada sebelah pagi hari raya pertama dan kedua.

Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan berkata, manakala di tempat-tempat lain pula dalam cuaca baik.

Sementara itu, pada sebelah petang dijangka hujan dan ribut petir di beberapa tempat di Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sarawak (Bahagian Sarikei, Sibu, Mukah, Bintulu, Miri dan Limbang), Sabah (bahagian pedalaman dan Pantai Barat) dan Labuan.

Hujan dan ribut petir dijangka berlaku di satu dua tempat.

Di sebelah malam pula, dijangka hujan di satu dua tempat di Kelantan, Terengganu, Pahang, Sarawak (Sibu, Mukah, Bintulu, Kapit, Miri dan Limbang), Sabah dan Labuan.

FOTO: BERNAMA

**LAMPIRAN 4**
**THE STAR (NATION): MUKA SURAT 6**
**TARIKH: 4 JUN 2019 (SELASA)**

# Single-use plastic banned in S'gor govt depts

By WANI MUTHIAH
wani@thestar.com.my

**KLANG:** All Selangor government departments and agencies are prohibited from using single-use plastic starting from July 1.

State Environment, Green Technology, Consumer and Non-Islamic Affairs Committee chairman Hee Loy Sian said the move was to promote a healthy and clean environment, as well as counter contamination issues arising from single-use plastic.

"It is also in line with the state government's efforts to reduce the usage of single-use plastic, especially plastic bags and polystyrene," Hee said in a statement.

He said the ruling was also in tandem with the Federal Government's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030 that was launched last year.

Hee said although the directive applied to state government departments and agencies, others were encouraged to follow suit.

"We encourage the private sector, schools, places of worship, non-governmental organisations and others to participate in this campaign voluntarily. It is our hope this campaign can be implemented in all places involving Selangor residents so that it can achieve its aim to reduce and eradicate the use of single-use plastic," said Hee.

Under the directive, all Selangor government departments, agencies and state-linked companies will stop using single-use plastic water bottles, plates, cups, cutlery, drinking straws and plastic cling wrap to cover plates and saucers.

Substitutes such as glass water bottles, jugs and water dispensers, as well as reusable food coverings will be used instead.

Hee added that state government staff and the public were encouraged to bring their own reusable containers, cutlery and straws.

"They should also use woven bags or reusable bags when buying food from the cafeteria.

"We will initiate strategies and efforts to promote this campaign through various communication platforms, especially social media, as well as prepare promotional infographics and videos to make it a success," he said.

Selangor Pertubuhan Pelindungan Khazanah Alam Malaysia chairman Damien Thanam Divean said they welcomed the move.

"In fact, it should have been implemented earlier," he said, while urging the state government to extend the directive to include the private sector.

Kuala Langat Environmental Action Association secretary Pua Lay Peng described the move as "timely".

"The state civil servants will be a good role model to kick-start the campaign for others to follow suit.

"But it must be followed with enforcement to ensure the directive is adhered to," she said.